

Permohonan Kelulusan Pelan Susunatur

1. Semua permohonan pelan untuk diluluskan hendaklah direkabentuk, dibina dan diselenggara mengikut peruntukan akta dan undang-undang seperti berikut:

- Akta 133, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 dan pindaan;
- Akta 172, Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 dan pindaan;
- Undang- Undang Kecil Bangunan Seragam (Pahang) 1996;
- Polisi, dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Bentong;

2. Bagi Pengemukakan Pelan Susunatur Dokumen Yang Diperlukan ialah;

- 26 Salinan pelan susunatur (1linen dan 25 kertas – dan diwarnakan)
- 9 Salinan pelan kontor
- 9 Salinan pelan superimposed
- 6 Salinan pelan keratan lintang dan bujur
- 4 Salinan resit cukai tanah / premium
- 4 Salinan surat hakmilik
- 4 Salinan surat kelulusan dasar PTG
- Dokumen perjanjian (jika berkaitan)
- 2 Set Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)
- 1 Set Laporan EIA (jika berkaitan)
- Pelan ditandatangani oleh Jururancang Bandar
- Pelan ditandatangani oleh Pemaju / Tuan Tanah
- Surat daripada Jururancang Bandar (Borang F)
- Surat daripada Perunding (Borang A- Kerjatanah)

3. Lain-Lain Keperluan

- Pelan-pelan bangunan hendaklah dilipat bersaiz A4.
- Pelan-pelan bangunan hendaklah disusun mengikut nombor lukisan, dijilid menjadikansatu set yang lengkap
- Semua pelan yang dikemukakan hendaklah diwarnakan mengikut skim warna perancangan yang ditetapkan.

4. Semua pelan cadangan akan dikemukakan kepada Jabatan Teknikal untuk pandangan dan ulasan dalam tempoh 2 minggu. Pihak Majlis akan mengedarkan pelan cadangan kepada Jabatan Teknikal terlibat sahaja iaitu:

- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,
- Jabatan Kerja Raya
- Jabatan Bekalan Air
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
- Jabatan Pengairan Dan Saliran
- Pejabat Tanah Perbandaran Bentong
- Syarikat Telekom Malaysia
- Tenaga Nasional Berhad

5. Fee Pemerosesan Pelan

Semua permohonan kelulusan pelan bangunan akan dikenakan fee pemerosesan pelan yang dikira mengikut Jadual Pertama, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984. Bil tuntutan akan dikemukakan kepada pemaju/pemohon dan perlu dijelaskan dalam tempoh empatbelas (14) hari dari tarikh surat dihantar.

6. Proses Kelulusan Permohonan

- Satu kertas kerja akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Dan Teknikal yang bersidang pada setiap bulan untuk pertimbangan.
- Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa adalah muktamad.
- Pihak pemaju akan dijemput untuk memberi penerangan/taklimat berhubung cadangan pembangunan semasa mesyuarat di adakan bergantung kepada kehendak Majlis/Jawatankuasa.

7. Penyediaan Kelulusan

- Pelan cadangan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa akan dicop kelulusan untuk diperakukan oleh Yang Dipertua. Sebanyak dua (2) set pelan cadangan yang telah diluluskan akan dikembalikan kepada pihak pemohon untuk simpanan.
- Salinan tambahan boleh dibuat dengan dikenakan bayaran sebanyak RM 50.00 bagi setiap salinan.
- Kelulusan pelan bangunan akan disertakan dengan surat kelulusan yang mengandungi semua syarat Jabatan Teknikal dan syarat-syarat am Majlis.

8. Tempoh Kelulusan

- Pelan-pelan yang telah diluluskan adalahnya diperakui sah bagi tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan.
- Permohonan melanjutkan tempoh kelulusan boleh dibuat dengan menjelaskan semula fee cukai pemerosesan pelan.
- Kelulusan tempoh hanya boleh dipertimbangkan selama tiga kali pembaharuan sahaja.

9. Pelan Pindaan Kepada Pelan Yang Diluluskan

- Sebarang cadangan perubahan kepada pelan bangunan yang telah diluluskan hendaklah dirujuk dan mendapat kelulusan Majlis.
- Tatacara kelulusan bergantung kepada tahap pindaan yang dilakukan. Sekiranya pindaan major, proses dan tindakan kelulusan adalah seperti di atas. Sekiranya pindaan minor, kelulusan dibuat dengan persetujuan diperingkat pentadbiran/Yang Dipertua sahaja.
- Semua proses permohonan pelan pindaan akan dikenakan fee yang dikira berdasarkan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1974.
- Semua pelan pindaan yang terlibat hendaklah diluluskan sebelum sijil kelayakan menduduki dipertimbangkan.